

22.7.2021_BERITA HARIAN_MOSTI_PAC Panggil KJ, Tengku Zafrul beri keterangan

PAC panggil KJ, Tengku Zafrul beri keterangan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Menteri Penyelaras Program Imunisasi Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan dipanggil untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung pembelian dan penggunaan vaksin COVID-19 sepanjang tempoh proklamasi darurat.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi akan dipanggil semula pada 27 Julai, manakala Tengku Zafrul akan dipanggil pada 28 Julai.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh, berkata keterangan kedua-dua menteri berkenaan dilihat perlu kerana PAC berpendapat, senario perolehan vaksin yang dibuat sepanjang tempoh proklamasi darurat sudah berubah berbanding Januari lalu.
